



16 NOV, 2019

## Selangor sedia turun harga ambang harta tanah pembeli asing

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

### Selangor sedia turun harga ambang harta tanah pembeli asing

**Muka 22**

# Selangor sedia turun harga ambang harta tanah pembeli asing

**Kerajaan** Selangor sedia menuarkan harga ambang harta tanah bagi pemilikan asing kini ditetapkan RM2 juta di negeri berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar negeri, Haniza Talha, berkata jumlah penurunan berkenaan bagaimanapun hanya akan ditentukan selepas mengadakan pertemuan dengan pihak berkepentingan tidak lama lagi.

"Kami akan bertemu dengan pelbagai pihak terbabit, termasuk pemaju, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) untuk mengetahui keadaan sebenar harta tanah tidak terjual, terutama pemilikan asing sebelum memutuskan sebarang jumlah penurunan."

"Apa yang boleh saya katakan, jika tiada masalah, nilai ambang baharu akan dilaksanakan awal tahun depan. Cuma, kita akan tetapkan penurunan ini adalah bertempoh mungkin setahun saja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Ekspo Mini Hartanah Malaysia (MAPEX) Shah Alam/Klang di Shah Alam, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi REHDA Selangor, Zulkifly Garib dan Pengerusi Pengajur



**Haniza merasmikan Ekspo Mini Hartanah Malaysia Shah Alam/Klang diiringi Chee Yang dan Zulkifly di Shah Alam, semalam.**

MAPEX Shah Alam/Klang, Loo Chee Yang.

Dalam Belanjawan 2020 yang diumumkan Oktober lalu, kerajaan bercadang menurunkan nilai ambang harta tanah bagi pemilikan asing kepada RM600,000 daripada jumlah asal RM1 juta.

Bagaimanapun, nilai ambang berkenaan berbeza di setiap negeri: Selangor menetapkannya pada RM2 juta.

Haniza berkata, penentuan nilai ambang akan mengambil kira pelbagai aspek termasuk jumlah harta tanah yang diperuntukkan kepada warga asing ti-

dak terjual.

"Pemilikan asing ditetapkan sebanyak 10 peratus daripada kuota bukan Bumiputera. Berdasarkan data NAPIC, jumlah harta tanah tidak terjual untuk pemilikan asing ada rendah," katanya.

Sementara itu, Zulkifly berkata, Kempen Pemilikan Rumah (HOC) di Selangor dijangka menjana penjualan unit kediaman lebih tinggi berbanding RM7.5 bilion yang dicatatkan setakat ini.

"Jualan berjumlah RM7.5 bilion diraih sejak Januari lalu

mewakili 12,000 unit kediaman di Selangor yang kebanyakannya rumah terjual adalah jenis teres dengan tren pembelian rumah semakin tertumpu di kawasan Shah Alam dan Klang.

"Jadi, melalui pengajuran MAPEX 2019 Shah Alam/Klang ini, saya percaya ia mampu menyumbang kepada peningkatan unit kediaman dijual," katanya.

MAPEX Shah Alam/Klang yang berlangsung sehingga esok menawarkan pelbagai jenis harta tanah oleh 11 pemaju bernilai RM289,000 hingga RM2.5 juta.



16 NOV, 2019

## Selangor sedia turun harga ambang harta tanah pembeli asing

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Selangor sedia turun harga ambang harta tanah pembeli asing Muka 22

Kerajaan Selangor sedia menurunkan harga ambang harta tanah bagi pemilikan asing kini ditetapkan RM2 juta di negeri berkenaan. Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar negeri, Haniza Talha, berkata jumlah penurunan berkenaan bagaimanapun hanya akan ditentukan selepas mengadakan pertemuan dengan pihak berkepentingan tidak lama lagi.